

07 JAN 2004

Abdullah-Timbangan

ABDULLAH MENUNJUKKAN GAYA KEPIMPINANNYA DENGAN PELANTIKAN KABINET

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) -- Menunjukkan gaya kepimpinannya di arena politik negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menamakan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam satu rombakan Kabinet yang turut menyaksikan muka baru dan pertukaran portfolio membabitkan tiga orang Menteri.

Dengan pelantikan itu, Abdullah, yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas, menamatkan spekulasi berbulan-bulan lama terhadap jawatan nombor dua negara dan pada masa yang sama menunjukkan kepimpinannya.

Perdana Menteri melantik Penasihat Khas beliau, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua dan memindahkan Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke Kementerian Pertanian.

Beliau juga memperkenalkan semula portfolio Menteri Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Nor Mohamed, seorang bekas pegawai bank pusat yang membantu melaksanakan penetapan nilai matawang ringgit di bawah kepimpinan Dr Mahathir kini akan membantu Abdullah untuk menguruskan kewangan negara sementara Muhyiddin, yang disebut-sebut antara yang berpeluang memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, diberi tanggungjawab berat untuk meneruskan pembaharuan sektor pertanian negara.

Muhyiddin digantikan oleh Datuk Dr Jamaluddin Jarjis yang merupakan Menteri Kewangan Kedua.

Menteri Pertanian Datuk Dr Effendi Norwawi pula dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas khas di Jabatan Perdana Menteri.

Semua pelantikan itu berkuatkuasa serta-merta kecuali Nor Mohamed yang akan memulakan tugasnya sebagai Menteri Kewangan Kedua pada Jumaat.

Najib pula akan mengekalkan portfolio Pertahanan.

Dalam respons segera kepada pelantikan Najib, Dr Mahathir berkata:

"Saya gembira dengan pelantikan Najib."

Pengumuman di Pejabat Perdana Menteri di sini tidak dianggap mengejut

kerana desas-desus pelantikan Najib sudahpun tersebar seawal tengah hari
semalam apabila Najib dilihat memasuki pejabat Perdana Menteri.

Semua akhbar hari ini menyiarkan di muka depan pelantikan Najib sebagai
Timbalan Perdana Menteri dengan memetik sumber-sumber kerajaan.

Najib, yang menerima surat pelantikan daripada Abdullah semalam, pagi
ini mengiringi Perdana Menteri ke Istana Negara untuk mengadap Yang
di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Selepas itu, Najib menghadiri mesyuarat pertama Kabinet bagi
tahun ini
dalam kapasiti sebagai timbalan kepada Abdullah di mana rakan-rakan
Kabinetnya menyatakan sokongan penuh kepada beliau.

Pilihan Abdullah itu diterima baik oleh Umno, tulang belakang
perikatan
Barisan Nasional (BN) yang akan menghadapi pilihan raya umum dalam
tempoh
10 bulan ini.

"Saya rasa ia akan membawa impak baik. Beliau merupakan naib
presiden
nombor satu Umno," kata Abdullah semasa persidangan berita apabila
ditanya
akan impak pelantikan Najib pada parti di mana Abdullah adalah
pemangku
presidennya.

Abdullah, yang dikenali dengan sikap merendah diri dan
keikhlasannya,
sejak mula berkuasa telah mengumumkan beberapa dasar serta inisiatif
yang
diterima baik rakyat.

Ia termasuk membanteras rasuah, mengembalikan sektor pertanian
sebagai
antara sektor utama penjana ekonomi Malaysia, dan memastikan sistem
penyampaian perkhidmatan awam yang lebih baik, memperbaharui pasukan
polis,
memperbaiki sistem pendidikan dan dasar kewangan dan pengurusan
perbelanjaan awam yang berhemah.

Pelantikan satu lagi orang kuat Umno, Muhyiddin, sebagai Menteri
Pertanian Baru, menunjukkan kepercayaan Abdullah padanya dalam
mencapai
matlamat yang beliau telah tetapkan.

Perdana Menteri juga `menaikkan pangkat' Jamaluddin untuk
mengetuai
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Jamaluddin, ahli Parlimen Rompin yang lebih dikenali sebagai
"JJ",
sebelum ini pernah memegang jawatan pengerusi Tenaga Nasional Berhad
dan
dilantik ke Kabinet semasa kepimpinan Dr Mahathir.

Dr Effendi, yang menyuntik idea-idea baru bagi sektor pertanian
dipilih

sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dalam
rombakan
yang diumumkan hari ini.

Mengenai bidang tugas Menteri Tugas-tugas Khas, Abdullah berkata
beliau
akan berbincang bersama Dr Effendi dari Sarawak.

Perdana Menteri menggulung pelantikan itu dengan peringatan ini
kepada
rakan-rakan Kabinet -- berpeganglah kepada prinsip kerja berpasukan
dan
berilah perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Saya fikir ia memberi impak yang baik. Beliau (Najib) ialah
naib
presiden nombor satu. Tiada masalah," tambah Abdullah.

Ditanya apakah nasihatnya kepada Jemaah Menteri sempena
mesyuarat
pertama Kabinet tahun ini, beliau berkata, amanatnya menyentuh
pentingnya
mereka bekerja sebagai satu pasukan dan memberi khidmat terbaik
kepada
masyarakat.

"Dan program-program yang saya umumkan (sebelum ini), saya harap
dapat
dilaksanakan secepat mungkin terutamanya yang ada kaitan dengan
sistem
penyampaian perkhidmatan awam.

"Kita boleh melaksanakan semua itu tanpa memerlukan perbelanjaan
kerana
apa yang perlu ialah kita bekerja bersungguh-sungguh. Sistem sudah
ada dan
kita perlu pandai menggunakan sistem itu untuk memastikan apa yang
kita
berikan itu ialah khidmat yang terbaik," katanya.

-- BERNAMA

MAM SR HS AM